

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 28 MEI 2015

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah yang dibayar oleh Kementerian kepada Institut Jantung Negara (IJN) dan sama ada pesakit boleh mendapat rawatan terus daripada IJN atau mesti melalui Hospital Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2000 sehingga Mac 2015 sebanyak RM3.453 bilion telah dibayar oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) untuk bayaran bil pesakit di bawah tanggungan Kerajaan.

Kes-kes untuk tujuan rawatan jantung yang diterima di IJNSB adalah dirujuk oleh Hospital-hospital Kerajaan setelah diteliti oleh Pakar Perubatan Kardiologi atau Pakar Perubatan Hospital Kerajaan dan kes berkenaan dianggap tidak dapat dirawat di fasiliti KKM.

Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) yang berpusat di Kementerian, sehingga tahun 2012 bilangan saintis berjumlah 75,257 orang. Namun begitu, kajian bagi tahun 2013 dan 2014 masih belum diterbitkan oleh pihak MASTIC.

Bagi menyokong pembangunan sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang sains, Kerajaan sentiasa meluluskan peruntukan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam bentuk dana pembangunan seperti ScienceFund, InnoFund dan TechnoFund. Jumlah peruntukan yang diluluskan Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk aktiviti penyelidikan, pembangunan dan komersilan (R,D&C) bagi tempoh 2008 hingga 2014 adalah sebanyak RM2.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada ucapan Penggulungan Perbahasan Persidangan Dewan Rakyat Penggal Kedua Parlimen Yang Ke-13 oleh Menteri Sains,Teknologi dan Inovasi pada 6 November 2014 di mana Kementerian sedang dan akan melaksanakan inovasi sosial berdasarkan sains, teknologi dan inovasi. Kementerian berpandangan bahawa inovasi boleh berlaku di semua peringkat dan sektor ekonomi. Oleh itu, prinsip merakyatkan inovasi sentiasa didokong oleh Kementerian kerana inovasi itu boleh tercetus atau dicetuskan oleh komuniti dalam masyarakat itu sendiri. Dalam hal ini, Kementerian akan membantu komuniti berkenaan menggunakan teknologi dan kepakaran yang terdapat di agensi-agensi di bawah Kementerian bagi memantapkan

lagi inovasi tersebut. Kementerian kini telah memulakan program inovasi sosial dan membawa teknologi ke peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.